

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 14.10.2014

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berhubung insiden peletakan jawatan pengasas dan Pengarah Pusat Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (Umcedel) Prof Datuk Redzuan Othman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang keputusan berkaitan isu Prof. Mohammad Redzuan selaku Pengarah UMCEDEL adalah dibuat demi kepentingan universiti dan tidak mempunyai kaitan dengan desakan atau campur tangan pihak luar.

Perkara ini diputuskan sepenuhnya oleh Universiti Malaya dengan mengambil kira bahawa Prof. Mohammad Redzuan akan bersara pada 14 Mac 2015 dan pada masa yang sama ingin memberi peluang kepada Dr. Amir Saifude Ghazali yang merupakan timbalan beliau untuk mengambil tanggungjawab sebagai Pengarah UMCEDEL. Sungguhpun demikian, Prof. Mohammad Redzuan akan terus menyumbangkan kepakaran beliau sebagai ahli kumpulan kajian UMCEDEL dan selaku profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. RJM37